



LGM Properties Corporation KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada pelesen-pelesen yang berdaftar dengan sistem MyROL untuk menyertai pembelian getah secara tender atas talian melalui sistem MyROL di Ladang LGM Pahang Tenggara seperti berikut:

NO TENDER/NO LESEN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	MAKLUMAT GETAH	TARIKH / MASA / TEMPAT
LPCPT-09/2025 C/09/14471	Tender Membeli Getah Sekerap di Ladang LGM Pahang Tenggara secara atas talian melalui MyROL	Jenis Getah: Sekerap (<i>cuplump</i>) Anggaran berat: +- 45,000 kg Bilangan Hari Menoreh: 23 hari Tarikh Tender Lepas: 29/05/2025	Tarikh Tender: 25/06/2025 (Rabu) Masa Tender Buka: 11.30 pagi Tutup: 12.30 t/hari Tarikh Penyerahan: 26/06/2025 (Khamis) sebelum jam 4.30 petang Tempat Penyerahan: Ladang LGM Pahang Tenggara, KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur Berat Maksimum Jambatan Timbang: 50 mt (termasuk berat lori)
Nota: Untuk tujuan pendaftaran, sila berhubung dengan pihak Ladang LGM Pahang Tenggara yang terlibat. Pendaftaran adalah sekali sahaja untuk setiap Stesen. Maklumat lanjut dan proses penawaran harga getah secara tender ini dilakukan secara atas talian di laman web https://myrol.lgm.gov.my			


Wan Zuraidi Bin Sulaiman
Pengurus Ladang (G3)
LGM Properties Corporation
Ladang LGM Pahang Tenggara

Terma dan Syarat :

1. Hanya pembida yang telah diluluskan permohonan (MyROL) di Ladang LGM Pahang Tenggara sahaja yang layak menyertai tawaran tender ini.
2. Pembida wajib menyemak dan mengesahkan harga yang tepat untuk dimasukkan sebagai Harga Tawaran iaitu dalam format sen/kg. Harga yang dimasukkan adalah sekali sahaja dan tidak boleh ditukar.
3. Semua urusan jual beli adalah muktamad. Tiada pembatalan atau rayuan dibenarkan.
4. Pihak Ladang LGM Pahang Tenggara berhak menolak harga tertinggi yang ditawarkan jika harga tersebut masih di bawah Harga Diminta (Harga Tawaran oleh penjual) dan membuka tender tawaran semula.
5. Tiada pembayaran secara kredit dibenarkan dalam penjualan ini. Pembayaran adalah hanya secara tunai melalui pindahan elektronik ("*electronic transfer*") terus ke akaun bank **LGM Properties Corporation (MBB No Akaun. 514495203483)**
6. Pembida yang berjaya wajib membuat bayaran pendahuluan selepas menerima surat tawaran, di mana bayaran pendahuluan adalah sebanyak 80% daripada anggaran berat dalam masa 24 jam selepas tawaran diterima. Baki bayaran perlu dijelaskan sebelum getah di bawa keluar dari premis berdasarkan jumlah berat sebenar yang telah disahkan oleh Ladang LGM Pahang Tenggara.
7. Kos memunggah getah ke atas lori ("*loading*") dan kos pengangkutan membawa keluar getah dari premis Ladang LGM Pahang Tenggara adalah di bawah tanggungan pembida berjaya.
8. Pembida yang berjaya diwajibkan membayar yuran pengurusan seperti yang ditetapkan oleh pihak Ladang LGM Pahang Tenggara. Yuran pengurusan ini tidak termasuk di dalam Harga Tawaran yang dipaparkan.
9. Getah sekerap yang telah dibeli tidak boleh ditukar/dipulangkan. Tiada pulangan wang akan dikembalikan kepada pembida berjaya.
10. Kualiti getah sekerap dan kadar kandungan getah kering (% DRC) yang dijual adalah "**sebagaimana adanya dan yang tersedia**" pada hari timbang dan serahan. Pihak pembida amat digalakkan untuk melawat premis dan menilai kualiti sekerap terlebih dahulu sebelum menyertai tawaran tender di premis Ladang LGM Pahang Tenggara tersebut.
11. Pembida yang berjaya perlu menyerahkan **Resit Rasmi [Peraturan 42: Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Perlesenan Dan Permit) 2014]** semasa urusan pengambilan sekerap di Ladang LGM Pahang Tenggara.
12. Segala urusan **penyerahan dan pengambilan sekerap perlu diselesaikan sebelum jam 4.30 petang** pada tarikh penyerahan yang telah ditetapkan.


Wan Zuraidi Bin Sulaiman
Pengurus Ladang (G3)
LGM Properties Corporation
Ladang LGM Pahang Tenggara